

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

Dua unit pengurusan Yayasan Sabah hampir capai pensijilan FSO  
10 Jun 2010  
New Sabah Times Bahasa (KK)  
Semasa  
N/A  
Daily  
23,655 /

Language Malay  
Page No 5  
Article Size 121 cm<sup>2</sup>  
Color Black/white  
ADValue 126  
PRValue 377



# Dua unit pengurusan Yayasan Sabah hampir capai pensijilan FSC

**KOTA KINABALU:** Unit Pengurusan Hutan (FMU) 15 dan 16 Kumpulan Yayasan Sabah melibatkan kawasan seluas 188,610 hektar di Hutan Simpan Sungai Pinangah, menjadi yang pertama di Sabah menerima Pengesahan Pematuhan Perundangan (VLC) daripada Rainforest Alliance dari New York di bawah Program Smartwood.

Pengesahan itu diterima pada 26 Mei lepas.

Anugerah berkenaan merupakan satu langkah penting ke arah pensijilan sepenuhnya di bawah standard Emas Majlis Pengawasan Hutan (FSC).

Program Smartwood menyediakan perkhidmatan pengesahan kepada syarikat pengurusan hutan yang mengeluarkan kayu dan syarikat-syarikat yang menjual kayu balak atau produk hutan yang lain.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh bahagian komunikasi korporat Yayasan Sabah, ia berkata pengesahan berkenaan adalah berdasarkan kepada protokol dan standard yang dibangunkan dan diuruskan secara langsung oleh Rainforest Alliance.

Pengesahan Pematuhan Perundangan bagi FMU 15 dan 16 Yayasan Sabah itu merupakan langkah kedua ke arah mencapai Pensijilan Majlis Pengurusan Hutan (FSC) sepenuhnya.

Antaranya, VLC merupakan penilaian dan pengesahan yang kayu atau produk hutan bukan kayu telah mematuhi semua perundangan yang sewajarnya bagi pengurusan hutan dalam negara asal, katanya.

Protokol ke arah mencapai Pensijilan FSC sepenuhnya ialah untuk mencapai Pengesahan Perundangan Negara Asal (VLO) yang diikuti dengan Pengesahan Pematuhan Perundangan (VLC) dan kayu yang dikawal.

FMU 15 dan 16 Yayasan Sabah menerima Standard Smartwood bagi Pengesahan Perundangan Negara Asal (VLO), Sabah, Malaysia pada 13 Feb, 2008.

Rainforest Alliance dari New York itu merupakan anggota Jawatankuasa Audit Alam Sekitar (EAC) yang bekerjasama dengan Inno-prise Corporation Sdn Bhd di bawah Yayasan Sabah dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menghasilkan Protokol EAC bagi memenuhi kontrak Mengurangan Kesan Pembalakan 1992 (RIL) antara New England Power Company, Boston, Massachusetts, AS dan Yayasan Sabah.

Pensijilan hutan merupakan protokol yang mengkaji semula amalan hutan yang dijalankan di kawasan berkenaan terhadap standard yang melibatkan isu alam sekitar, sosial dan ekonomi.